

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Institut Tanah dan Ukur Negara 1440H

Majlis Hari Raya Aidilfitri Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berlangsung dengan meriahnya pada 21 Jun 2019 yang lalu. Majlis yang penuh dengan warna warni ini bertemakan #INSTUNraya2019 dirasmikan oleh YBrs. Puan Norehan Binti Omar, Pengarah INSTUN. Majlis diserikan dengan nyanyian dari kalangan warga INSTUN, cabutan bertuah dan aneka juadah dari setiap bahagian.

Terdapat lima (5) bahagian di INSTUN yang telah menyediakan pelbagai juadah raya kepada tetamu yang hadir. Dalam majlis yang sama, Pengarah INSTUN turut menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan (Januari 2019 – Mac 2019), Anugerah Pekerja Keterampilan Pengarah 2018, Anugerah Pekerja Cemerlang 2018, Anugerah Penceramah Cemerlang 2018 dan sijil penceramah 2018. Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah.





